

Urusniaga saham guna maklumat dalaman

Tindakan tanpa kira kedudukan

Oleh WAN HAMIDI HAMID

SHAH ALAM, Selasa — Kerajaan akan menyiasat kegiatan urusniaga saham berdasarkan maklumat dalaman dan bertindak tegas terhadap mereka yang bersalah tanpa mengira kedudukan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam hubungan ini, beliau berkata, tidak timbul soal personaliti kerana yang disiasat ialah 'siapa buat salah dan siapa tidak buat salah'.

"Kalau ada dakwaan, kerajaan akan siasat dan kita akan ambil tindakan kalau dakwaan itu benar. Dakwaan memang selalu dibuat," katanya.

Perdana Menteri berkata, siasatan tetap akan dibuat walaupun ia mungkin memberi kesan atau tidak kepada pasaran saham.

"Jika ada kesan, ia adalah kebetulan saja. Yang penting, kerajaan mesti siasat," katanya menjawab pertanyaan

harta pun, bukan Umno punya. Aset Umno ada dalam jagaaan Pemegang Harta. Kalau Pemegang Harta hendak jual, kita tidak boleh kata apa-apa. Kita tidak ada hak dan bukan kita yang menentukannya," kata beliau.

Perdana Menteri juga menafikan dakwaan kononnya Renong mempunyai hubungan dengan Umno serta pernah mewakili parti itu melalui syarikat proksi Hatibudi.

"Saya tidak tahu mengenai perkara itu. Saya juga tidak tahu sama ada mereka adalah syarikat proksi. Mungkin ada kaitan dengan personaliti Umno yang tertentu, tetapi tidak ada apa yang dikatakan 'syarikat' Umno," katanya.

pemberita sama ada perbuatan urusniaga dalaman boleh menjejaskan pasaran saham, selepas merasmikan Akademi Saga di Kawasan Perindustrian Hicom di sini, hari ini.

Menurutnya, siasatan akan diselesaikan secepat mungkin jika kerajaan mendapat cukup maklumat dalam masa yang singkat. Bagaimanapun, katanya, masa akan diperlukan jika mengalami masalah mendapatkan maklumat.

Ditanya sama ada personaliti tertentu terbabit dalam perbuatan dagangan dalaman, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu mengenai nama-nama orang tertentu. Biasanya, kita tidak sebut nama sehingga orang itu didapati bersalah. Jadi, saya tidak boleh sebut apa-apa nama."

Mengenai siasatan Pendaf-tar Syarikat (ROC) terhadap Renong Berhad, yang didakwa membeli harta Umno (lama) tahun lalu, Datuk Seri Dr Mahathir, berkata beliau tidak tahu menahu mengenai harta Umno.

"Ia (Renong) hendak beli

Ditanya sama ada Pengerusi Eksekutif Renong Berhad, Datuk Halim Saad, bertindak bersendirian tanpa membabitkan Umno, Perdana Menteri berkata: "Ya. Mungkin. Saya tidak tahu."

Mengenai laporan siasatan urusniaga saham berdasarkan maklumat dalaman itu, Perdana Menteri, berkata ia adalah dalam bidang kuasa Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya, cuma Menteri Kewangan boleh menentukan sama ada laporan itu akan dibentangkan dalam mesyuarat Kabinet.

"Ini adalah tanggungjawab Menteri Kewangan. Adalah menjadi hak Menteri Kewangan untuk membuat keputusan sama ada mahu menyerahkan laporan siasatan kepada Kabinet," katanya.

Setakat ini, ROC masih menyiasat tiga syarikat terkemuka disenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan lapan tokoh korporat yang didakwa terbabit dalam urusniaga saham berdasarkan maklumat dalaman.